

Sasar 50 ahli Skuad Muda

Rela Selangor fokus tarik penyertaan golongan generasi muda turut serta dalam bidang sukarelawan

PULAU CAREY - Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) Negeri Selangor menyasarkan 50 penyertaan ahli bagi Skuad Muda berumur antara 18 hingga 25 tahun di setiap daerah.

Pengaruhnya, Nor Zahidi Abdul Rahman berkata, 50 keahlian itu membantu setiap daerah mengenal potensi ahli Rela dalam kalangan generasi muda untuk turut serta aktif dalam komuniti.

"Bagaimanapun, kita akan menambah dari masa ke semasa jumlah keahlian supaya ahli Rela yang mendaftar terdiri daripada pelbagai peringkat umur.

"Saya pasti dengan pelbagai aktiviti yang dirancang dan penambahan ahli di setiap daerah setiap bulan nanti membantu mempelbagaikan tugas Rela di setiap program yang di-

rancang," katanya selepas Majlis Rela dan Sambutan Tahun Baharu Cina Rela Daerah Kuala Langat Tahun 2016 anjuran Platoon Rela Seri Cheeding dan Pulau Banting di Pulau Carey, baru-baru ini.

Menurutnya, pihaknya juga menganggarkan 90 peratus ahlinya sudah memakai pakaian uniform Rela berdigital ketika bertugas.

"Saya mahu memastikan semua ahli Rela di Selangor sekurang-kurangnya mempunyai sepasang pakaian digital itu bagi memberi imej yang kemas dan berketerampilan.

"Saya nak tengok ahli Rela berpakaian kemas pada setiap masa kerana imej ahli Rela kini dipandang tinggi apabila mereka ini sudah dikenali dalam masyarakat," katanya

Dalam pada itu, mengulas mengenai hala tuju Rela



Nor Zahidi (empat, kiri) bergambar bersama penerima cek insurans perubatan dan khairat kematian.

Selangor bagi tahun ini beliau berkata, Rela Selangor bakal memfokuskan dua aspek penting termasuk khidmat bakti dan keselamatan.

"Pelbagai aktiviti khidmat bakti sudah diatur dalam membantu masyarakat menggerak-

kan aktiviti gotong-royong, pembinaan, pembersihan dan banyak lagi dalam usaha mewujudkan semangat kerjasama dalam masyarakat.

"Selain itu, aspek keselamatan dalam masyarakat dengan menjadi mata dan te-

linga komuniti setempat turut diwujudkan di kawasan taman perumahan dan kampung-kampung supaya mereka rasa selamat dengan adanya Rela.

"Saya nak lihat ahli Rela dapat aktifkan semula rondaan sukarelawan di setiap kawa-

san bagi menonjolkan imej Re'a itu sendiri," katanya.

Pada program itu, seramai tujuh penerima cek insurans dan khairat kematian turut disampaikan kepada ahli Rela terlibat dalam kemalangan dan keluarga kematian ahli keluarga.

82 kes denggi dalam dua bulan



Dr Shuaita membuat gimik pelancaran dengan membuat semburan pada gambar nyamuk.

KAMPUNG MEDAN - Sebanyak 82 kes demam denggi dicatatkan di Taman Seri Medan dalam tempoh dua bulan.

Pegawai Epidemiologi Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Shuaita Mohd Nor berkata, Taman Seri Medan antara kawasan mempunyai jumlah kes denggi yang tinggi di daerah ini.

"Jumlah itu sebenarnya perlu diberi perhatian dalam usaha membanteras pembiakan nyamuk aedes.

"Pada tahun lepas, sebanyak 1,200 kes dilaporkan termasuk empat kes kematian dan saya berharap tahun ini jumlah kes dapat dikurangkan dan

jumlah kematian juga perlu sifar," katanya ketika merasmikan Sambutan Hari Denggi Asean Peringkat Daerah Kuala Langat dan Penutup Jelajah Combi Seluruh Selangor di Taman Seri Medan, Ahad lalu.

Menurutnya, beliau mahu kesedaran masyarakat terutama kawasan yang dikesan mempunyai wabak denggi supaya terus meluangkan masa membersihkan kawasan rumah.

Sementara itu, Adun Sijanggang, Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, penduduk diharap terus memainkan peranan dan aktif dalam aktiviti gotong-royong bagi membantu mencegah pembiakan nyamuk aedes.

"Tidak dinafikan nak hapuskan pembiakan nyamuk aedes 100 peratus agak mustahil tapi tiga bahagian yang difokuskan dalam aktiviti program berkenaan membantu mengurangkan masalah pembiakan nyamuk aedes.

"Saya nak tengok, semua yang terlibat menjalankan aktiviti gotong-royong, cari dan musnah selain mempromosikan kempen menghapuskan pembiakan nyamuk aedes.

"Saya nampak setiap minggu ada program tapi ramai yang masih tak datang, kalau ada promosi macam ni ia dapat bantu masyarakat untuk keluar," katanya.

Perlu bijak urus sampah

BANTING - Semua pihak termasuk pelajar sekolah perlu mengetahui cara menguruskan sampah dengan sistematik bagi membantu mengurangkan jumlah bahan buangan sisa pepejal.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, di Kuala Langat sahaja, sebanyak 120 hingga 150 tan sisa pepejal sehari dikumpul sekali gus menjadi cabaran besar buat pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk menguruskan sampah.

"Kebanyakan daripada kita tahu kutipan sampah dilakukan oleh PBT tapi kalau pengguna sendiri sedar akan tanggungjawab dengan mengitar semula barangan, itu sudah pasti dapat bantu kurang-

kan sampah harian," katanya dalam Pelancaran Taklimat dan Ceramah Kempen 3R (Reduce, Reuse, Recycle) di Kompleks Belia MDKL, kelmarin.

Menurutnya, mengurus sisa pepejal bukan sesuatu yang mudah lebih-lebih lagi Selangor adalah penyumbang pengeluaran sampah terbesar di seluruh negara.

"Urusan sisa pepejal diberikan kepada PBT tetapi pengguna juga perlu tahu cara urus sampah yang betul memandangkan kesedaran sivik masih lagi lemah," katanya.

Dalam program berkenaan lebih 500 pelajar dan guru hadir menyertai Seminar 3R peringkat daerah Kuala Langat dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Langat.



Antara guru dan pelajar sekolah yang hadir.